

Bil. S 25

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENGGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENDAFTARAN KENDERAAN BERMOTOR DAN TRELER), 2013**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**Peraturan**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PENDAFTARAN KENDERAAN BERMOTOR DAN TRELER**

3. Permohonan bagi pendaftaran.
4. Buku duplikat.
5. Pemberitahuan kejadian yang menyentuh pendaftaran.
6. Pendaftaran kenderaan perkhidmatan awam atau barangan.
7. Kedudukan pemilik berdaftar yang bukan pemilik mutlak.
8. Tukar milik.

**BAHAGIAN III**

**AM**

9. Hukuman.
  10. Pindaan Peraturan 1 dari Penggal 68.
-

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA  
(PENDAFTARAN KENDERAAN BERMOTOR DAN TRELER), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran.**

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Pendaftaran Kenderaan Bermotor dan Treler), 2013.

**Tafsiran.**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“daftar” bermakna suatu daftar yang disimpan oleh Pengarah di bawah bab 4.

**BAHAGIAN II**

**PENDAFTARAN KENDERAAN BERMOTOR DAN TRELER**

**Permohonan bagi pendaftaran.**

3. (1) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran sesebuah kenderaan bermotor atau treler hendaklah dibuat oleh pemiliknya atau ejen motor bagi pihak orang itu dalam borang sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah.

(2) Borang tersebut hendaklah —

(a) diisikan dengan lengkap dan betul oleh pemohon dan diserahkan kepada Pengarah; dan

(b) disertakan dengan bayaran sebanyak \$25.

(3) Tiap-tiap pemohon hendaklah memberikan butir-butir dan mengemukakan keterangan sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

(4) Selepas menerima permohonan tersebut, pegawai melesen hendaklah dengan serta-merta memasukkan butir-butir kenderaan atau treler itu dalam daftar, dan hendaklah memberikan kepada kenderaan atau treler itu suatu huruf atau huruf-huruf dan nombor berdaftar, yang akan menjadi tanda pengenalan bagi kenderaan atau treler itu, dan hendaklah mengeluarkan kepada pemohon buku pendaftaran dalam borang sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah:

Dengan syarat bahawa kenderaan bermotor atau treler yang didaftarkan di luar Negara Brunei Darussalam tidak boleh didaftarkan di Negara Brunei Darussalam, melainkan jika pemohon mengemukakan —

(a) suatu perakuan, dalam borang yang dibenarkan oleh Pengawal Kastam dan Eksais, yang menyatakan butir-butir pemilikan dan perincian mengenai kenderaan bermotor atau treler itu dan yang mengesahkan bahawa semua formaliti kastam dan lesen import yang perlu berkenaan dengan pengimportan kenderaan atau treler itu telah selesai; dan

(b) satu salinan spesifikasi pembuat berkaitan dengan kenderaan atau treler itu.

(5) Seseorang yang didaftarkan sebagai pemilik sesebuah kenderaan bermotor atau treler di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan ini boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang mungkin ditetapkan, dan setelah membuat bayaran sebanyak \$50, meminta supaya tanda pengenalan kenderaan bermotor atau treler itu dipindahkan kepada kenderaan bermotor atau treler lain yang dia adalah pemilik berdaftaranya atau yang dia memohon untuk menjadi pemilik berdaftaranya, dan pegawai melesen hendaklah selepas itu memberikan suatu tanda pengenalan baru kepada kenderaan bermotor atau treler yang mula-mula disebutkan dan membuat semua pindaan yang perlu dan berbangkit kepada daftar dan buku pendaftaran.

#### **Buku duplikat.**

4. (1) Apabila didapati sehingga memuaskan hati pegawai melesen bahawa buku pendaftaran yang dikeluarkan kepada mana-mana orang telah hilang atau musnah, atau butir-butir penting telah rosak dengan tidak sengaja atau dalam keadaan terlalu teruk atau ruang itu tidak cukup untuk mencatatkan butir-butir penting, maka pegawai melesen berkuasa, setelah bayaran sebanyak \$20 dibuat, mengeluarkan salinan buku itu, dengan perkataan "Duplikat" ditulis di atasnya:

Dengan syarat bahawa jika tidak ada ruang untuk mencatatkan butir-butir tambahan yang penting, bayaran tidak akan dikenakan bagi pengeluaran duplikat itu.

(2) Apabila buku pendaftaran duplikat dikeluarkan kerana rosak, terlalu teruk atau tidak cukup ruang untuk mencatatkan butir-butir penting, buku pendaftaran lama hendaklah dicatitkan dengan perkataan-perkataan,

“Dibatalkan: Duplikat dikeluarkan” oleh pegawai melesen, dan dikembalikan kepada pemilik.

**Pemberitahuan kejadian yang menyentuh pendaftaran.**

5. (1) Pemilik sesebuah kenderaan bermotor atau treler hendaklah memberitahu pegawai melesen mengenai semua hal keadaan atau kejadian yang menyentuh ketepatan catatan dalam daftar, pada masa yang sama menghantar buku pendaftaran untuk dipinda.

(2) Seseorang pegawai melesen boleh meminta pemilik sesebuah kenderaan bermotor atau treler pada bila-bila masa untuk memberikan semua maklumat yang dikehendaki bagi pengesahan catatan dalam daftar.

**Pendaftaran kenderaan perkhidmatan awam atau barangan.**

6. Sebelum mendaftarkan mana-mana kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan pegawai melesen hendaklah memastikan berat bersih dan juga berat kasar (jika ada) dan bilangan maksimum penumpang (jika ada) yang kenderaan itu boleh dibenarkan untuk membawanya, dan berat bersih dan berat kasar itu (jika ada) dan bilangan maksimum penumpang (jika ada) hendaklah dicatatkan dalam daftar dan dalam buku pendaftaran, dan hendaklah juga dicat dengan warna hitam atau putih huruf-huruf dan angka-angka sekurang-kurangnya 25 milimeter tinggi pada sisi kiri kenderaan itu dan dalam suatu kedudukan yang boleh dilihat dengan jelas.

**Kedudukan pemilik berdaftar yang bukan pemilik mutlak.**

7. (1) Jika orang yang berhak memiliki sesebuah kenderaan bermotor atau treler adalah bukan pemilik mutlak kenderaan bermotor atau treler itu, tetapi didaftarkan sebagai pemiliknya, mana-mana orang yang menuntut sebagai pemilik mutlaknya (dalam peraturan ini disebut sebagai pihak menuntut) boleh memohon kepada pegawai melesen untuk memasukkan namanya dalam daftar sebagai pemilik mutlak sebagai tambahan kepada nama pemilik berdaftar.

(2) Selepas menerima sebarang permohonan tersebut, pegawai melesen hendaklah menyebabkan supaya pemilik berdaftar diberitahu mengenainya dengan pos berdaftar, dan hendaklah memintanya untuk menunjukkan sebab dalam masa 14 hari mengapa nama pihak menuntut tidak patut dimasukkan dalam daftar.

(3) Jika pemilik berdaftar bersetuju supaya nama pihak menuntut patut dimasukkan dalam daftar, atau jika dia tidak menunjukkan sebab dalam masa 14 hari mengapa nama tersebut tidak patut dimasukkan demikian, maka pegawai melesen hendaklah memasukkan nama pihak menuntut dalam daftar dengan sewajarnya dan dia hendaklah dianggap sebagai pemilik mutlak bagi maksud-maksud Akta itu.

(4) Jika pemilik berdaftar terus bertindak dengan menunjukkan sebab, pegawai melesen hendaklah menyiasat mengenai hal keadaan itu dan hendaklah membuat suatu perintah mengenainya sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut, dan mana-mana orang yang namanya, hasil dari siasatan itu, dimasukkan dalam daftar oleh pegawai melesen sebagai pemilik mutlak kenderaan bermotor atau treler itu hendaklah dianggap sebagai pemilik mutlak bagi maksud-maksud Akta itu.

(5) Pemilik mutlak sesebuah kenderaan bermotor atau treler, yang namanya telah dimasukkan dalam daftar di bawah peruntukan-peruntukan peraturan ini akan, apabila tidak lagi menjadi pemilik mutlaknya, menghendaki pegawai melesen untuk mengeluarkan namanya dari daftar, dan pegawai melesen hendaklah dengan serta-merta mematuhi permintaannya itu.

(6) Pegawai melesen boleh juga, jika dia berpuas hati bahawa pemilik mutlak sesebuah kenderaan bermotor atau treler tidak lagi menjadi pemilik mutlaknya, mengeluarkan nama pemilik mutlak itu, apabila diminta berbuat demikian oleh pemilik berdaftar.

#### **Tukar milik.**

8. (1) Apabila sesebuah kenderaan bermotor atau treler bertukar milik dengan jalan lain daripada kematian —

(a) kenderaan bermotor atau treler itu tidak boleh digunakan selama lebih dari 14 hari selepas tukar milik tersebut melainkan jika pemilik baru didaftarkan sebagai pemiliknya;

(b) pemilik berdaftar hendaklah dalam masa 14 hari memberitahu pegawai melesen secara bertulis mengenai nama dan alamat pemilik baru, dan tarikh tukar milik kenderaan bermotor itu dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah; dan

(c) pemilik berdaftar hendaklah dalam masa 14 hari menyerahkan lesen kenderaan bermotor atau treler dan buku pendaftarannya kepada pemilik baru, yang akan dengan seberapa segera yang boleh dengan munasabah menyerahkan buku pendaftaran itu kepada pegawai melesen.

(2) Peraturan kecil (1) tidak boleh dikenakan hanya kerana tukar milik akibat daripada suatu kontrak penyewaan jika tempoh penyewaan tidak melebihi 3 bulan, atau apabila pemilik berdaftar terus menggaji dan membayar pemandu kenderaan itu.

(3) Permohonan untuk mendaftarkan seorang pemilik baru boleh dibuat sebelum pindah milik sebenar kenderaan bermotor atau treler itu tetapi pendaftaran seorang pemilik baru tidak boleh dilakukan sehingga buku pendaftaran telah diserahkan kepada dan dikeluarkan semula oleh pegawai melesen.

(4) Apabila pemilik berdaftar sesebuah kenderaan bermotor atau treler mati, orang yang akan menjaga kenderaan bermotor atau treler itu hendaklah dalam masa 14 hari dari tarikh kenderaan bermotor atau treler itu akan dijaga olehnya memberi notis mengenai hal itu kepada pegawai melesen.

(5) Peraturan-peraturan kecil (1) dan (3) tidak boleh dikenakan kepada sebarang tukar milik sesebuah kenderaan bermotor atau treler yang berlaku kerana kenderaan atau treler itu dirampas secara sah di bawah suatu perjanjian sewa beli, tetapi dalam sebarang hal keadaan peruntukan-peruntukan yang berikut hendaklah dikenakan —

(a) pemilik berdaftar atau wakilnya hendaklah dalam masa 7 hari dari rampasan itu, menyerahkan buku pendaftaran kepada orang yang telah merampas kenderaan bermotor atau treler itu, dan memberitahu pegawai melesen secara bertulis mengenai tukar milik itu dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah;

(b) orang itu hendaklah, dalam masa 7 hari dari menerima buku pendaftaran, memohon kepada pegawai melesen untuk didaftarkan sebagai pemiliknya bagi menggantikan pemilik berdaftar, dan hendaklah didaftarkan dengan sewajarnya melainkan jika pegawai melesen memikirkan patut untuk memerintahkan selainnya; dan

(c) pegawai melesen hendaklah jika dia berpuas hati bahawa mana-mana orang itu yang namanya telah dimasukkan dalam daftar di bawah peraturan 8 sebagai pemilik mutlak kenderaan bermotor itu tidak dapat dalam masa 7 hari dari rampasan itu memperolehi buku pendaftaran daripada pemilik berdaftar atau wakilnya, memberikan salinan buku tersebut kepada orang itu apabila diminta, dan orang itu hendaklah selepas itu tidak lagi menjadi pemilik mutlak dan hendaklah dianggap sebagai pemilik berdaftar, dan pegawai melesen hendaklah menerima tandatangannya yang sedemikian itu, sehingga tukar milik yang berikutnya dilakukan.

(6) Apabila seorang pemilik baru didaftarkan, pegawai melesen hendaklah membuat perubahan yang perlu kepada buku pendaftaran dan daftar dan hendaklah menyerahkan buku yang diubah itu kepada pemilik berdaftar yang baru itu.

### BAHAGIAN III

#### AM

#### Hukuman.

9. Mana-mana orang yang gagal mematuhi atau yang melanggar sebarang peruntukan atau sebarang kehendak Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak

melebihi \$500 dan, dalam hal sabitan kedua atau berikutnya, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000.

**Pindaan Peraturan 1 dari Penggal 68.**

10. Bahagian II dan Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya adalah dimansuhkan.

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 17 haribulan April, 2013.

PEHIN ORANG KAYA HAMZAH PAHLAWAN  
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDULLAH  
BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR  
Menteri Perhubungan,  
Negara Brunei Darussalam.